

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[KOTA SAMARAHAN]**

**TARIKH : 03 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan situasi semasa serta tindakan konklusif Kementerian dalam menangani kes kematian kanak-kanak akibat tertinggal di dalam kereta oleh ibu bapa mahupun penjaga.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

**Situasi semasa**

Kes kematian kanak-kanak akibat tertinggal dalam kereta pada tahun ini sahaja mencatatkan sebanyak 2 kes manakala 2 kes pada tahun 2019 dan 2 kes pada tahun 2018. Walaupun bilangan kes tidak menunjukkan jumlah yang besar, namun ianya melibatkan nyawa anak kepada ibu bapa dan penjaganya. Daripada rekod, kebanyakan mangsa adalah ditinggalkan dalam keadaan ibu bapa pergi bekerja atau menghadiri mesyuarat di luar dan terlupa anak di dalam kereta.

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan Kementerian sedar betapa seriusnya insiden sebegini, Kementerian telah mengambil langkah pencegahan, advokasi dan intervensi seperti berikut:

a. **Peruntukan perundangan**

Seksyen 31 Akta Kanak-kanak 2001 mengenai penganiayaan, pengabaian, pembuangan, pendedahan kanak-kanak telah dipinda pada tahun 2016 dengan memasukkan perkataan "atau bertindak secara cuai" dan juga meningkatkan tempoh maksimum hukuman penjara daripada 10 tahun kepada 20 tahun atau denda daripada RM20,000 kepada RM50,000 atau kedua-duanya dan perintah khidmat masyarakat sebagai hukuman mandatori.

b. **Intervensi**

Selain daripada peruntukan perundangan untuk menghukum dan mencegah kejadian pengabaian kanak-kanak, Kementerian turut berperanan menghulurkan perkhidmatan kaunseling kepada ibu bapa.

**c. Advokasi**

Sebagai ibu bapa atau penjaga kepada kanak-kanak, adalah menjadi tanggungjawab UTAMA untuk sentiasa peka dengan risiko keselamatan anak-anak, contohnya tersedak susu, pemakaian *car seat* dan risiko tertinggal dalam kereta. Oleh yang demikian, Kementerian mengambil langkah advokasi dengan melaksanakan kerjasama bersama agensi-agensi lain yang berkaitan telah menjalankan program kesedaran awam mengenai isu ini.

Antara program advokasi yang dijalankan ialah Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA), Kursus Pra perkahwinan SMARTSTART LPPKN, Program Keluarga@Kerja (Parenting@Work), dan Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN.

Kementerian juga menerima banyak maklum balas dan cadangan daripada para ibu bapa dan masyarakat umum yang kemudiannya telah dibincangkan bersama agensi berkaitan seperti Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) seperti berikut:

- (i) bayi tidak boleh diletakkan di tempat duduk belakang kerusi pemandu kerana ia merupakan titik buta;
- (ii) meletakkan barang penting seperti beg tangan di bahagian belakang sama ada di atas kerusi atau di ruang kaki penumpang; dan
- (iii) meletakkan beg keperluan anak di tempat duduk hadapan bagi mengingatkan anak ada di bahagian belakang.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius mengenai isu kecuaian ibu bapa atau penjaga sehingga menyebabkan kecederaan atau lebih menyedihkan ada yang membawa kepada kehilangan nyawa kanak-kanak. Masyarakat juga perlu memainkan peranan dengan melaporkan segera sekiranya terlihat kanak-kanak ditinggalkan di dalam kereta tanpa pengawasan demi mengelakkan kejadian kematian dalam kereta berlaku.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI  
[ ALOR SETAR ]**

**TARIKH : 03 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha untuk memperbanyakkan jurubahasa isyarat yang boleh berkhidmat untuk golongan OKU pekak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha-usaha Kerajaan untuk memperbanyakkan Jurubahasa Isyarat (JBI) yang boleh berkhidmat untuk golongan OKU pendengaran adalah seperti berikut:

**i. Menyediakan Bantuan Kewangan kepada NGO melalui Geran Pentadbiran**

Sebagai contoh sehingga kini MFD telah berjaya melatih 29 orang Jurubahasa Isyarat pakar yang berjumlah 10 orang dan JBI Terlatih yang berjumlah 19 orang dengan memberikan manfaat kepada seramai 39,009 orang.

Geran Pentadbiran adalah bantuan kewangan yang diberi berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) kepada kerajaan. Antara NGO yang menerima geran pentadbiran adalah seperti Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD), Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

**ii. Bantuan Khas Perbendaharaan**

Kerajaan turut menyediakan peruntukan melalui Bantuan Khas Perbendaharaan untuk pelaksanaan Program Pembangunan Sosial yang boleh dimohon oleh NGO untuk menjalankan kursus berbentuk kejurulatihan ke arah pendayaupayaan OKU seperti kursus JBI.

**iii. Menjalankan Kursus Bahasa Isyarat Malaysia kepada agensi kerajaan dan orang awam di Institut Sosial Malaysia (ISM)**

Selaras dengan konsep “penyesuaian munasabah” dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008 iaitu keperluan untuk memastikan OKU menikmati atau menjalani kehidupan yang berkualiti dan sejahtera atas kesetaraan dengan orang upaya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama MFD telah mengambil inisiatif menganjurkan Kursus Bahasa Isyarat

Malaysia mulai tahun 2019 bagi menggalakkan orang ramai mendalami dan berminat dengan Bahasa Isyarat Malaysia seterusnya menceburkan diri sebagai JBI.

Sehingga bulan Februari 2020, seramai 68 orang peserta telah mengikuti kursus asas Bahasa Isyarat Malaysia di ISM. Mana-mana peserta yang berminat untuk menjadi Jurubahasa Isyarat boleh mengikuti kursus JBI anjuran MFD.

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha-usaha ini adalah selaras dengan Seksyen 30(1), (2) dan (3), Akta Orang Kurang Upaya 2008 di mana Kerajaan mengiktiraf hak OKU termasuk OKU kategori pendengaran untuk akses kepada maklumat, komunikasi dan teknologi atas asas kesetaraan dengan orang upaya.

Oleh yang demikian, untuk mencapai hasrat ini, perkhidmatan JBI adalah merupakan perkhidmatan sokongan yang penting kepada OKU pendengaran untuk kehidupan seharian yang akses dan berdikari.

KPWKM juga telah dimaklumkan bahawa pihak pentadbiran Parlimen bersama pihak MFD sedang mengambil tindakan untuk menempatkan JBI semasa sidang Parlimen. Ini merupakan usaha yang sangat baik dan perlu disegerakan agar sidang Parlimen dapat diikuti oleh OKU pendengaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH  
[ PETALING JAYA ]**

**TARIKH : 03 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan untuk menjelaskan prinsip-prinsip asas yang diperjuangkan oleh Kementerian dalam merangka perundangan menentang diskriminasi gender dan bagaimanakah kerangka perundangan baru ini boleh menjadi lebih berkesan berbanding dengan proses mahkamah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) tetap komited melaksanakan inisiatif bagi menghapuskan diskriminasi berasaskan gender selaras dengan peruntukan berkaitan hak kesamarataan di bawah Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan dan peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) serta obligasi negara terhadap Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing (*Beijing Declaration and Platform for Action*) dan Matlamat 5: Kesaksamaan Gender di bawah Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals-SDGs*).

Salah satu usaha KPWKM adalah melalui pengubalan Rang Undang-Undang Gangguan Seksual (RUU GS) yang akan menjadi salah satu instrumen bagi menghapus diskriminasi berasaskan gender, melindungi wanita dengan menyediakan persekitaran yang bebas gangguan seksual dan membolehkan mereka untuk terus menyumbangkan potensi dalam proses membangunkan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Perkara utama yang diberi perhatian bagi memastikan draf RUU GS yang digubal adalah komprehensif ialah dengan memastikan ia berupaya menangani kelompangan dalam sistem perundangan atau peraturan sedia ada. Selain itu, draf RUU GS turut menggariskan definisi gangguan seksual yang lebih menyeluruh dan pemakaiannya tidak hanya terhad kepada sektor pekerjaan tetapi merangkumi tempat-tempat awam.

RUU GS ini juga memperuntukkan pelantikan seorang Ketua Pengarah yang berperanan untuk memberikan nasihat yang bersesuaian kepada pihak-pihak yang terlibat untuk memastikan mereka menyedari prosedur dan pilihan yang ada dalam pengendalian kes-kes gangguan seksual. Penambahbaikan turut dilaksanakan dengan memperkenalkan mekanisme baharu bagi membolehkan kes-kes gangguan seksual dibuktikan melalui standard pembuktian sivil iaitu secara imbalan kebarangkalian (*balance of probabilities*) yang ditangani dengan



## SOALAN NO. : 18

penubuhan tribunal untuk penyelesaian aduan/tuntutan kes gangguan seksual yang lebih cepat dan efektif.

Secara keseluruhannya, penggubalan RUU GS ini telah mengambil kira hasrat untuk memberikan kesedaran dan pendedahan kepada umum mengenai kesalahan gangguan seksual supaya dapat mencegah gangguan seksual daripada berlaku, di samping memberikan perlindungan kepada mangsa melalui langkah *redress* yang sewajarnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL  
RAHMAN [ MUAR ]**

**TARIKH : 03 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan untuk memberi penjelasan berkenaan pelantikan anggota Parlimen Parit, Mohd Nizar Zakaria sebagai pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang baru.

.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengambil maklum atas keprihatinan YB mengenai lantikan Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang baharu. Terlebih dahulu, terima kasih diucapkan kepada mantan Pengerusi LPPKN iaitu YBhg. Datuk Dr. Narimah Awin atas jasa-jasa dan sumbang bakti yang dicurahkan kepada negara dalam memperkasa isu kependudukan dan kekeluargaan sepanjang tempoh beliau berkhidmat di LPPKN.

Tahniah juga diucapkan kepada YB Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria yang telah dilantik sebagai Pengerusi LPPKN yang ke-11, bagi tempoh dua (2) tahun mulai 15 Jun 2020. Pelantikan Pengerusi LPPKN yang terkini adalah berdasarkan keperluan yang mendesak yang perlu dilaksanakan segera mengikut hala tuju Kerajaan baharu. Pelantikan tersebut adalah berdasarkan prosedur operasi standard mengikut Seksyen 4.3 Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998. Proses pelantikan, gaji dan elaun adalah sama dengan pelantikan pengerusi LPPKN yang sebelum ini.

Saya percaya sepenuhnya bahawa pengerusi LPPKN baharu yang dilantik mempunyai tahap integriti yang tinggi di samping memahami peranan Kerajaan dalam pengurusan sosioekonomi yang merangkumi pembangunan sosial dan pembangunan ekonomi. Saya berharap supaya aspirasi LPPKN untuk memacu agenda kependudukan dan kekeluargaan yang inovatif dapat dicapai dengan pelantikan baharu ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
[ SEGAMPUT ]**

**TARIKH : 03 OGOS 2020 (ISNIN)  
:**

**SOALAN**

**Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [ Segambut ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan butiran bantuan bakul makanan JKM semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) termasuk mekanisme pelantikan pembekal, amaun kontrak, senarai barangan dan sebab bakul makanan yang dijanjikan tidak sampai kepada Ahli Parlimen kawasan pembangkang serta senarai penyelaras yang telah mengedarkan bakul makanan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dengan golongan sasaran yang telah terkesan akibat wabak COVID-19 yang telah melanda seluruh negara baru-baru ini.

Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Bilangan 8 Tahun 2020 mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bertarikh 26 Mac 2020 memutuskan JKM bertanggungjawab memberi bantuan bekalan makanan kepada rakyat Malaysia yang hilang pendapatan dan memerlukan bantuan dalam tempoh pelaksanaan PKP.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah diberi tanggungjawab untuk menyelaraskan sumbangan makanan termasuk sumbangan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)/ Badan Korporat/ Syarikat Swasta dan Individu sepanjang PKP dengan kerjasama pemimpin tempatan, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Semua pihak, termasuk pemimpin masyarakat boleh mengemukakan aduan dan rujukan sekiranya dikenal pasti ada pihak memerlukan bantuan kepada JKM yang berhampiran untuk disampaikan bantuan tersebut.

Sebanyak RM47.42 juta telah diperuntukkan bagi menampung program bantuan bekalan makanan semasa PKP iaitu Bantuan Bakul Makanan Fasa I - RM5.68 juta, Fasa II - RM9.06 juta, Fasa III - RM10.48 juta melalui peruntukan Tabung COVID-19. Manakala RM22.2 juta peruntukan daripada Kementerian Kewangan bagi menampung Bakul Makanan B40 Kawasan Parlimen. Tempoh masa bagi program bakul makanan mengikut Fasa adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PERINGKAT AGIHAN</b>	<b>TEMPOH MASA</b>
1.	Bantuan Bakul Makanan (Tabung COVID-19) Fasa I	26 Mac – 4 Mei 2020
2.	Bantuan Bakul Makanan B40 Kawasan Parlimen	26 Mac – 4 Mei 2020
3.	Bantuan Bakul Makanan (Tabung COVID-19) Fasa II	5 Mei – 31 Mei 2020
4.	Bantuan Bakul Makanan (Tabung COVID-19) Fasa III	Bermula 1 Jun 2020

Bagi membendung krisis panik keperluan makanan semasa PKP, KPWKM telah mengambil inisiatif membuat permohonan tambahan bagi menampung keperluan bakul makanan agar lebih ramai dapat menerima manfaat bantuan ini. Jumlah bantuan bakul makanan yang diperuntukkan bagi setiap Kawasan Parlimen adalah sebanyak 1,000 bakul makanan dengan kadar RM100.00 yang diagihkan oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat (PKMD).

Selain daripada peruntukan 1,000 bakul tersebut, terdapat juga sumbangan-sumbangan keperluan asas dan bekalan makanan daripada NGO/ Badan Korporat/ Syarikat Swasta dan Individu juga menyumbang dalam pemberian bakul makanan semasa PKP. Oleh yang demikian terdapat pelbagai bentuk dan nilai bakul makanan yang diagihkan kepada penduduk yang layak semasa PKP.

Keseluruhan penerima bantuan Bakul Makanan di seluruh negara adalah seramai 846,374 Ketua Isi Rumah (KIR) dan memberi manfaat kepada 3 juta Ahli Isi Rumah (AIR).

Kaedah perolehan bagi bantuan bekalan makanan ini adalah menggunakan Perolehan Darurat (AP173.2) iaitu merupakan proses perbelanjaan dalam

## SOALAN NO. : 35

keadaan darurat tanpa perlu melalui prosedur perolehan biasa. Pemilihan dan kelulusan pelantikan pembekal dibuat melalui Jawatankuasa Khas yang dibentuk oleh Kementerian dengan mengambil kira kemampuan untuk membekalkan barangan dalam skala besar serta menawarkan harga yang berpatutan dan berdasarkan lokaliti sesuatu kawasan.

Senarai item di dalam bakul makanan adalah terdiri daripada barangan keperluan asas yang di antaranya ialah beras, minyak masak, gula, tepung gandum dan lain-lain. Senarai item juga berdasarkan keperluan setempat dengan kadar yang telah ditetapkan iaitu RM100.00.

Kementerian mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua pegawai dan kakitangan JKM serta YKN, Rakan Agensi yang membantu pengagihan Bakul Makanan iaitu APM dan RELA yang bertungkus lumus memastikan Ketua Isi Rumah menerima bakul makanan yang diedarkan.

Tidak ketinggalan juga, barisan para penyumbang yang terdiri daripada NGO/ Badan Korporat/ Syarikat Swasta dan Individu serta pemimpin masyarakat yang banyak membantu kementerian mengenal pasti mereka yang layak menerima bakul makanan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN  
ISMAIL [ PANDAN ]**

**TARIKH : 03 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Pandan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pendirian Kementerian berhubung program i-Suri yang dilancarkan pada Ogos 2019, dan bilakah fasa kedua – sumbangan Kerajaan RM10 sebulan melalui caruman PERKESO kepada yang layak – dan fasa ketiga – sumbangan sukarela suami sebanyak 2% gaji ke akaun KWSP isteri – akan dilancarkan.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program i-Suri Fasa 1 telah dilancarkan pada 8 Ogos 2018 dan mula berkuat kuasa serta dibuka untuk pendaftaran pada 15 Ogos 2018. Sehingga Disember 2019, sejumlah RM58,102,200 insentif daripada Kerajaan telah disalurkan kepada 125,658 pencarum KWSP di bawah program ini. Jumlah kumpulan sasar yang layak memohon i-Suri adalah seramai 331,365 orang iaitu wanita yang merupakan Ketua Isi Rumah (KIR) dan isteri kepada KIR yang berdaftar dengan eKasih sehingga 30 November 2019. Kementerian ini berpandangan program ini wajar diteruskan bagi memberikan jaringan sosial asas bagi kumpulan masyarakat yang tidak dilindungi terutamanya suri rumah sekiranya berlaku perubahan mengejut dalam rumah tangga seperti kematian suami, perceraian, keilangan, hilang upaya dan lain-lain. Konsep kebajikan yang diterapkan kepada masyarakat adalah kebajikan produktif di mana Kerajaan dan masyarakat bersama-sama berusaha ke arah kesejahteraan masa depan masing-masing.

Bagi pelaksanaan Fasa Kedua yang melibatkan sumbangan Kerajaan RM10 sebulan melalui caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kepada yang layak, cadangan tersebut pada sebelum ini hendak direalisasikan menerusi pewujudan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) yang akan ditadbir oleh PERKESO. Namun begitu, buat masa ini, pembangunan mekanisme SKSSR sedang diperhalusi oleh Kerajaan melalui pendekatan perundangan. Perincian mekanisme pelaksanaan sedang diperhalusi bagi membolehkan pelaksanaan skim ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Rang Undang-Undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerjaan (Pindaan) 2019 telah diluluskan oleh Parlimen pada 18 Disember 2019 dan telah diwartakan pada 31 Disember 2019. Pindaan tersebut antara lain memperuntukkan kadar caruman yang akan dipindahkan iaitu sebanyak 2% daripada caruman ahli KWSP yang memilih untuk memindahkan carumannya kepada isteri atau isteri-isterinya. Pelaksanaan program i-Suri Fasa 3 yang melibatkan permohonan pindahan secara sukarela ini

**SOALAN NO. : 46**

dilaksanakan sebagaimana perancangan asal iaitu pada Oktober 2020. Dijangkakan suami yang ingin menyertai skim ini boleh membuat permohonan di kaunter KWSP mulai 1 Oktober 2020.